

Syair Mengenai Ilmu Agama dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional

ISMAIL HAMID

ABSTRAK

Dalam tradisi kesusasteraan Islam di Asia Barat telah berkembang satu bentuk puisi yang membicarakan disiplin ilmu agama. Apabila Islam datang ke Alam Melayu, tradisi yang serupa telah berlaku. Walau bagaimanapun puisi Melayu lebih banyak memperlihatkan unsur estetika seperti kiasan dan gaya bahasa.

ABSTRACT

In Islamic literary tradition in West Asia, a form of poetry developed which dealt with Islamic sciences as its theme. When Islam spread to the Malay World, the same tradition emerged there. However, Malay poetry thus created has reflected more of its aesthetic elements such as similes and style.

Karya-karya sastera dalam bentuk syair berkembang dengan meluas dalam kesusasteraan Arab klasik. Tulisan dalam bentuk syair bukan sahaja meliputi bidang kesusasteraan Arab, tetapi menjangkau ke dalam berbagai-bagai cabang ilmu pengetahuan yang lain. Tulisan dalam bentuk syair telah dihasilkan misalnya dalam bidang ilmu-ilmu bahasa dan agama dan lain-lain. Bentuk-bentuk syair yang tersebut dipanggil *Matan*. Misalnya dalam ilmu tatabahasa Arab terdapat sebuah karya puisi berjudul *Matan al-Fiah*. Dalam bidang ilmu usuluddin terdapat sebuah karya berbentuk puisi berjudul *Matan Jauharah*. Dalam bidang ilmu tasawuf terkenal dengan *Matan al-Hikam*. Dalam ilmu fikah terdapat sebuah karya berbentuk puisi berjudul *Ghayah al-Taqrīb*. Dalam bidang ilmu-ilmu lain terdapat juga karya-karya puisi yang menerangkan disiplin ilmu yang tersebut.

Pada zaman klasik Islam penekanan dalam pembelajaran diberikan kepada sistem hafalan demi untuk mengingat segala butir yang penting dalam segala bidang ilmu keislaman. Untuk tujuan itu dicari pendekatan yang boleh memudahkan para pelajar mengingat segala butir yang penting dalam berbagai cabang ilmu. Pendekatan yang boleh memudahkan pelajar-pelajar mengingat butir-butir yang penting itu ialah melalui syair. Maka dengan itu butir-butir yang penting dalam ilmu-ilmu keislaman itu di-gubahkan dalam bentuk syair. Justeru itu muncullah berbagai karya

syair yang memperkatakan tentang ilmu Fikah tauhid, ilmu tatabahasa, ilmu saraf, ilmu mantiq dan lain-lain. Faktor yang mendorong kelahiran tradisi ini kerana orang Arab gemar menghafal syair. Untuk menggalak perkembangan ilmu dan menambah ingatan pelajaran, maka segala cabang ilmu keislaman digubahkan dalam bentuk syair. Kemudian karya-karya prosa yang dipanggil syarah atau ulasan terhadap syair dihasilkan pula untuk memberi penjelasan dengan terperinci terhadap berbagai bidang ilmu yang dituliskan dalam bentuk syair di atas.

Tradisi penciptaan puisi Islam bertujuan menerangkan tentang beberapa cabang ilmu agama dalam tamadun Islam telah berkembang dengan pesat pada zaman klasik. Karya-karya syair mengenai agama dalam bahasa Arab itu juga dipelajari di institusi-institusi agama di Nusantara. Penulisan syair mengenai ilmu agama itu dikenali dengan panggilan *matan* dan *alfiah*. Tujuannya untuk memudah pelajar-pelajar menghafal dasar-dasar pokok setiap ilmu yang tersebut.

Pengaruh syair yang berbentuk *matan* dan *alfiah* dalam pengajian Islam itu telah mendorong kelahiran puisi ilmu agama dalam kesuasasteraan Melayu lama. Karya syair ilmu agama dalam bahasa Arab berbeza dengan syair Melayu disegi struktur dan juga isinya. Syair ilmu agama dalam bahasa Arab berbentuk amat rigid memperkatakan tentang dasar-dasar ilmu agama dengan terperinci. Sementara syair ilmu dalam bahasa Melayu lebih terbuka perbincangannya dan mengandungi unsur kiasan dan perbandingan. Terkadang-kadang persoalan yang diperkatakan lebih terlalu ketat dan mendatar dalam skop judul ilmu agama yang berkenaan. Dengan yang demikian pandangan atau pembaca syair Melayu lebih terbawa dengan unsur estitika dalam gubahan syair yang berkenaan. Syair ilmu agama mempunyai hubungan yang rapat dengan syariat agama kerana ia membicarakan doktorin agama seperti teologi dan undang-undang agama yang berhubungan dengan persoalan keperibadian seperti perkara-perkara mengenai peribadatan dan kekeluargaan, iaitu perkahwinan perceraian dan perwarisan. Syair ilmu agama amat penting dalam institusi keagamaan kerana ia memupuk pendidikan doktrin dan peraturan yang dianjurkan oleh agama Islam.

Syair ilmu agama amat penting untuk menjadi bahan penyelidikan bagi menggambarkan masyarakat Melayu tradisional pada masa syair itu dikarang oleh penulisnya serta latarbelakang yang mendorong kelahiran karya seperti ini pada masa yang lalu.

Sebuah syair yang membicarakan tentang dasar pokok ajaran Islam yang menyentuh persoalan asas yang dibicarakan dalam ilmu tauhid dan ilmu fikah. Syair yang tersebut berjudul *Syair Qawaid al Islam*. Judulnya tertulis dalam bahasa Arab yang bermakna syair tentang asas pokok agama Islam. Antara persoalan pokok yang dibicarakan ialah tentang rukun-rukun di dalam Islam dengan penjelasan yang terperinci dari sudut ilmu tauhid.

Persoalan pokok yang kedua disentuh tentang rukun-rukun Islam dan hukum-hukum ibadat di dalam Islam seperti yang dibicarakan dalam ilmu fikah bermula dari persoalan mengambil air sembahyang atau wuduk hinggalah kepada rukun-rukun mengerjakan haji. Dengan demikian syair yang tersebut membicara dua cabang ilmu di dalam Islam, iaitu ilmu Tauhid dan ilmu Fikah.

Tujuan penulisan ilmu agama melalui media syair untuk khalayak mempelajari agama secara yang lebih menarik daripada pembaca kitab yang men-jemukan. Keadaan ini dijelas oleh pengarang dalam karya seperti berikut:

Sebab disuratkan satu kaidah
Membaca kitab terlalu lengah
Gurunya mengajar hatinya gundah
Tambahan murid tiadalah indah.

Di dalam kitab banyak yang jemu
Di dalam syair ada tertemu
Bacalah sedikit cuba olehmu
Jikalau baik janganlah jemu.

Pemikiran mengenai ilmu tauhid diperkatakan pada bahagian awal syair ini sebagai contoh pengarang memperkata tentang sifat dan zat Tuhan dalam rangkap-rangkap di bawah ini.

Esa zatNya dan esalah sifatNya.
Esalah pula sekalian fa'alanya
Jika tiada esa lemahNya jadinya
Tiadalah jadilah sekalian alamnya.

Alam sudah Nyata dipandang
Mustahil Tuhan ada berbilang
Umpama mufakat dua-dua orang
Lemahlah kedua dikata orang.

Dalam bahagian yang memperkata tentang ilmu tauhid diakhiri dengan penjelasan tentang aliran-aliran dalam ilmu kalam; iaitu fahaman Jabariah dan Kadariah seperti dalam rangkap-rangkap di bawah ini.

Jabariah itu Allah Semata
Jahat baik sekalian Nyata
Gugurlah taklif syarat yang nyata
Sekelian rasul jadilah dusta.

Kadariah berpegang pada usaha ikhtiar
Dijadilah Allah boleh ikhtiar
Syurga, neraka dengan ikhtiar
Jadilah lemah malaku al-Jabbar.

Sebuah karya syair lain yang turut memperkatakan tentang ilmu kalam atau telogi dalam bentuk syair berjudul *Syair Sifat Dua Puluh*. Dipercayai bahawa karya di atas ini berasal dari daerah kepulauan Riau yang telah menjadi pusat pengembangan Islam dan kesusasteraan Melayu sejak abad ke 18. Petikan daripada syair ini dalam lima rangkap diperturunkan di bawah ini.

Asal mengenal segala yang maujud
Bezakan *haqiqat mungkin ujud*
Dengan *haqiqat wajib al-wujud*
Tiada sekutu tiadalah sujud

Muhdis dan Qadim yang disamakan
Keduanya itulah engkau bezakan
Mungkin al-wujud yang dijadikan
Wajib al-wujud yang menjadikan

Mungkin al-wujud muhdis adanya
Wajib al-wujud qadim zatnya
Tiada bersamaan keduanya
Tiada sekutu seumpamanya

Mengenal Allah permulaan agama
Mengenal yang empat bersama-sama
Apabila berhimpun sesuatu nama
Kepada Allah baharu diterima.

Dalam rangkap-rangkap syair di atas pengarang cuba menjelas dengan terperinci mengenai dasar-dasar ilmu kalam tentang sifat-sifat Allah yang harus diketahui atau dipelajari oleh orang Islam.

Karya-karya syair Melayu yang lain khusus membicarakan persoalan tentang ilmu kalam atau ilmu tauhid antaranya seperti *Syair Allah dan Syair Tauhid* yang tersimpan dalam koleksi Universiti Leiden. Di Perpustakaan Nasional Jakarta terdapat karya-karya syair yang khusus membicarakan persoalan ilmu kalam atau teologi seperti *Syair Usul, Syair Mistik dan Tauhid* dan lain-lain.

Di samping syair-syair yang membicarakan persoalan ketuhanan atau ilmu kalam, pengarang-pengarang Melayu juga menulis syair untuk menerangkan tentang hukum-hukum fikah di dalam Islam terutama yang berhubungan urusan kekeluargaan di dalam Islam. Dalam bidang karya syair mengenai ilmu fikah didapati pengarang Melayu pertama mementing pelaksanaan ibadat oleh setiap orang. Untuk tujuan itu, maka usaha dilakukan untuk mengubah puisi yang menyentuh kewajiban yang harus dilakukan oleh setiap orang Islam. Dalam bidang ilmu fikah pengarang Melayu menghasilkan karya-karya syair; salah satu syair yang bercorak

seperti yang tersebut ialah *Syair Ibadat*. Petikan daripada syair di atas diperturunkan di bawah ini:

Pertama itu yang kita pegang,
Qulhu wal Allah Ahad itu dibilang,
Ayat itu jangan kau buang,
Baca olehmu malam dan siang.

Kedua yang disembah dengan sebenar-benarnya,
Itu pun serta hakikat daripada semuanya,
Tiada berdiri kepada lainnya,
Melainkan Allah jua yang empunya.

Ketiga yang empunya ibadat,
Seperti sembahyang, puasa dan zakat,
Hendaklah anakku sentiasa ingat,
Supaya sah nafi dan ithbat.

Syair Qaward al-Islam seperti yang dibicara pada awal bab ini menyentuh tentang ilmu kalam. Pada bahagian kedua karya syair yang tersebut pengarang membicara pula tentang ilmu fikah yang menyentuh persoalan ibadat seperti sembahyang dan perkara-perkara yang berhubung dengannya, puasa, zakat, dan amalan ibadat haji di dalam Islam. Antara rangkap membicara persoalan hukum sembahyang di dalam Islam yang dimulai dengan rangkap mengenai rukun mengambil air sembahyang. (Muhammad Fanani 1984)

Ketahui olehmu orang dan dayang
Rukun dan fardu mengambil air sembahyang
Enam perkara dibilang orang
Mengetahui dia syarat sah sembahyang

Perkara yang membatalkan air sembahyang pula diperkata dalam rangkap yang berikut:

Membatalkan air sembahyang lima perkara
Ketahuilah Encik, Tuan, Saudara
Keluar sesuatu dua jalin mula perkara
Qabul dan dubur disitulah bicara

Sementara syarat wajib sembahyang dijelaskan oleh penyair seperti berikut:

Adapun yang diwajibkan sembahyang
Enam perkara dibilang orang
Pertama Islam wajib sembahyang
Kedua berakal seperti orang

Kemudian yang elok bulan purnama
Bagi anak empat dan lima.

Rukun nikah dan segala syaratnya diperincikan oleh penyair seperti berikut:

Rukun nikah lima perkara
Wali dan saksi pohon bicara
Ijab dan kabul hendaklah segera
Laki isteri masuk kira-kira.
Ijab daripada wali pasti
Ku nikahkan dikau dengan Cik Siti
Dengan mahar emas sekati
Jawablah mempelai jangan menanti

Aku terima nikah begitu
Dengan maharnya tersebut itu
Apabila salah nyatalah tertentu
Encik Zai sah menjadi menantu.

Khatiblah membaca Fatihahlah
Yang lain semua amin ya Allah
Barang diangkat hadirat baca Bismillah
Demikian khatib habis sahlah.

Seterusnya penyair membicara berbagai persoalan lain mengenai hukum perkahwinan menurut hukum fikah di dalam Islam. Diakhirinya dengan persoalan perceraian, rujuk, nafkah kepada isteri dan tanggungjawab mengenai pemeliharaan anak-anak.

Sebuah lagi karya syair yang membicara satu cabang ilmu agama *Faraid* iaitu hukum pembahagian harta pesaka. Walaupun syair yang tersebut menguna judul *syair ibadat*, tetapi apa yang diperkatakan penyair sebenar mengenai hukum pembahagian harta pesaka. Pada pengenalan penyair menyatakan.

Bismillah itu mula kata
Al hamdulillah puji semata
Selawat Nabi penghulu kita
Rasul dan sahabat melengkap kata

Wabaduhu kemudian daripada itu
Hamba mengarang syair suatu
Bicara perihal tertentu
Supaya diketahui hukuman satu

Seterusnya dalam rangkap-rangkap yang berikut penyair menjelas satu persatu tentang kadar harta pesaka yang ditentukan terhadap

keluarga dan sanak saudara apabila seseorang Islam itu meninggal dunia.

Salah sebuah karya syair Melayu yang membicarakan ilmu pembacaan al-Quran *al-Tajwid* berjudul *Syair Tajwid* seperti syair-syair yang membicarakan ilmu agama yang telah diperkatakan dalam bahagian, *Syair Tajwid* ini memperkatakan tentang ilmu pembacaan al-Qur'an yang menyentuh segala peraturan dan hukuman-hukuman pembacaan seperti yang telah ditetapkan dalam ilmu ini. Seperti beberapa karya syair yang lain, syair ini tidak menyebut nama pengarangnya. Ia diciptakan untuk tujuan memudahkan ingatan para pelajar tentang peraturan dan hukum-hukum tajwid. Misalnya pada pendahuluan syair ini pengarang menerangkan tentang tujuan kewajipan mempelajari ilmu tajwid:

Bismillah itu pemula kalam
Dengan nama Allah Khaliqul alam
Menurunkan rahmat siang dan malam
Kepada sekalian makhluk jin dan Islam
Dengar olehmu sekalian walid
Syair ini hukum tajwid
Hendaklah berguru pada Syeikh yang mursyid.

Selepas membicarakan kepentingan ilmu pembacaan al-Quran, penyair memperkatakan secara terperinci tentang hukum-hukum ilmu tajwid seperti diperturunkan di bawah ini:

Dengarlah sini sekalian Muslimin
Apabila bertemu yang sakin dan tanwin
Idhhar dan Ihfa jangan ghafilin
Idgham dan qalab inilah tamkin

Dengarkan huruf khalaf akan namanya
Alif fan Kha itu bilangannya
Ain dan hai itu keempatnya
Ghin dan khan itu keenamnya.

Syair ilmu agama digubalkan oleh para ilmuan Islam yang berminat dalam bidang puisi atau mereka yang mempunyai bakat alam penulisan puisi syair pada masa yang lalu. Usaha penulisan syair dalam bidang-bidang ilmu agama Islam ini bertujuan untuk menyebarkan ilmu agama dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Oleh sebab penulisan syair merupakan media komunikasi yang berpengaruh dalam masyarakat Melayu pada masa yang lalu, maka dengan yang demikian ilmu agama turut disalurkan dalam media di atas.

Bidang-bidang ilmu agama yang dibicarakan di dalam karya-karya yang diperkatakan di dalam bahagian ini sebenar mata pelajar yang diajar di institusi-institusi agama Islam yang terdapat diseluruh alam

Melayu. Bidang-bidang ilmu agama yang tersebut dipelajari mengikut disiplin yang telah diaturkan bagi pelajar-pelajar dipusat-pusat pengajian Islam. Walau bagaimanapun dengan dasar umum ilmu agama yang tersebut perlu juga diketahui oleh masyarakat Islam demi untuk meningkatkan lagi pengetahuan masyarakat tentang ilmu-ilmu agama. Justeru karya-karya syair yang dibicarakan dalam bahagian itu merupakan karya-karya syair mengenai ilmu agama yang dituliskan untuk pembacaan masyarakat umum bagi mempelajari dan mengetahui asas-asas pokok ilmu-ilmu yang tersebut.

Syair-syair ilmu agama di atas digubahkan oleh ilmuan agama Islam. Gubahan yang tersebut dijadikan sebagai media penyampaian ilmu agama kepada masyarakat umum. Syair-syair ini dibacakan dengan suara yang nyaring dan merdu untuk menarik minat khalayak bagi mendengarnya. Di samping mendengar puisi syair yang menarik itu orang ramai dapat mengetahui dan mempelajari tentang asas-asas pokok ilmu agama Islam.

RUJUKAN

- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Fanani (Peny.). 1984. *Syair Qawaid al-Islam*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.
- Syair Sifat Dua Puluh*. Klinkert 146. Perpustakaan Universiti Leiden.
- Syair Ibadat*. Cod. Or. 1774(3) Perpustakaan Universiti Leiden.
- Syair Rukuh Haji*. cod Or. 3338. Perpustakaan Universiti Leiden.
- Syair Hukum Nikah*. K.L. 174. Perpustakaan Universiti Leiden.
- Syair Tajwid*. Cod Or. 3331. Perpustakaan Universiti Leiden.

Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor, D.E.